

16 JUN 1999

Pasaran Pelancongan

MEMBANGUNKAN PERNIAGAAN BARU MENERUSI PASARAN PELANCONGAN

LANGKAWI, 16 Jun (Bernama) -- "Travel Mart" atau pasaran pelancongan yang akan diadakan julung kalinya di sini bermula 27 Jun dijangka memberi keyakinan kepada sektor pelancongan tempatan kerana banyak perjanjian akan dimeterai antara pembeli asing dan penjual tempatan.

Pengurus bagi Pembangunan Penjualan Pelanggan Penerbangan Malaysia (MAS), Mohd Salleh Ahmad Tabrani berkata, 148 perwakilan dan 52 penjual tempatan setakat ini telah mengesahkan menyertai sesi jual-beli selama sehari yang akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, beliau tidak dapat mendedahkan jumlah jualan yang dijangka Dibuat.

Pasaran pelancongan "Make-It-Langkawi" itu dianjurkan bersama dan ditaja oleh syarikat penerbangan kebangsaan itu dan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).

LADA dan MAS yakin dapat membangunkan perniagaan baru bagi pulau peranginan itu dengan Langkawi sebagai faktor pelaris bagi destinasi pantai dan alam semulajadi, katanya kepada pemberita selepas memberi taklimat kepada peserta tempatan mengenai pasaran pelancongan itu, di sini, hari ini.

Para pembeli akan terdiri daripada 103 eksekutif terkemuka agensi-agensi pelancongan dari luar dan dalam negara manakala 52 penjual tempatan itu terdiri daripada pengusaha hotel, agen pelancongan, pengusaha restoran dan padang golf dan penjual-penjual produk pelancongan lain.

"Kami yakin dapat membangunkan pasaran baru bagi anggota perniagaan pelancongan tempatan kami kerana kebanyakan pembeli belum pernah melawat Langkawi dan kami yakin akan mendapat perjanjian yang baik, dengan pembeli dan penjual mendapat banyak faedah," katanya.

Pasaran pelancongan itu merupakan yang pertama daripada beberapa kempen promosi yang dibuat oleh MAS dan LADA dalam menerokai pasaran baru bagi sektor pelancongan.

Mohd Salleh berkata pasaran pelancongan itu boleh menjadi pemangkin bagi pakej pelancongan yang konkrit dan berdaya maju.

Yang turut hadir ialah Pengawal Komunikasi Korporat Kumpulan MAS Fadhilah Mustaffa dan Pengurus Bahagian Pelancongan LADA Yazid Jais.

Sementara itu, Yazid berkata pasaran pelancongan itu diadakan bagi tujuan menukar anggapan bahawa Langkawi adalah sebuah destinasi yang mahal dan bagi membantu pengusaha perniagaan pelancongan berdepan dengan kesan kegawatan ekonomi serantau yang telah menyaksikan kemerosotan dalam kedatangan pelancong.

Yazid berkata anggota perniagaan pelancongan tempatan patut mengambil peluang daripada pasaran pelancongan itu kerana ianya kos efektif bagi mereka berbanding perbelanjaan besar bagi menyertai promosi antarabangsa seperti siri Pasaran Pelancongan Sedunia.

Acara itu akan diadakan dari 25 hingga 29 Jun dengan para perwakilan akan diraikan dengan perkhidmatan terbaik yang disediakan oleh masyarakat perniagaan pelancongan tempatan di sini.

--BERNAMA

NH RHM